

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (80)  
Tarikh : 15 Mac 2016

**Ketua Pengarang  
Sinar Harian**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "TERPAKSA BERHENTI  
KERJA JAGA ANAK" BERTARIKH 11 MAC 2016, JUMAAT – M.S: 41 (SEGAMAT)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dikemukakan oleh Encik Jamaludin Ismail berkenaan anak kembarnya Mohamad Nur Aminudeen dan Mohamad Nur Amiruldeen yang masih belum memiliki MyKad walaupun mempunyai sijil kelahiran.

3. Untuk makluman, anak kembar Encik Jamaludin Ismail berstatus bukan warganegara Malaysia. Beliau telah pun mengemukakan permohonan kewarganegaraan Malaysia untuk anak kembar beliau di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Makluman keputusan telah pun dikeluarkan melalui surat pada tahun 2014.

4. Sehubungan dengan itu, Encik Jamaludin Ismail dinasihatkan berhubung dengan Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan, Kementerian Dalam Negeri di talian 03 - 8886 3172 / 3367 bagi mendapatkan keputusannya.

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Dato' KPPN  
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)